

TH sasar sembilan juta pendeposit Islam tahun ini

KANGAR - Tabung Haji (TH) berazam untuk mendaftar lebih dua juta pendeposit baru tahun ini bagi mencapai sasarannya supaya 50 peratus umat Islam di negara ini menabung dengannya.

Ketua Pegawai Teknologi TH, Mohd. Yassin Tahir berkata, pada masa ini jumlah pendepositnya hampir mencecah tujuh juta dan diharap angka itu akan meningkat kepada sekurang-kurangnya sembilan juta sebelum akhir tahun ini.

Penduduk beragama Islam berjumlah sekitar 18 juta di Malaysia.

Mohd. Yassin menyatakan demikian kepada para pemberita selepas menyerahkan zakat perniagaan TH berjumlah RM501,371.88 kepada Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail yang mewakili Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) di Istana Arau di sini semalam.

Mohd. Yassin berkata, TH kini menjalankan kempen meningkatkan jumlah pendeposit termasuk melalui kelab TAHA yang bermatlamat menyubur minat menabung dalam kalangan para pelajar.

Dalam pada itu, pendeposit TH di negeri Perlis setakat ini berjumlah lebih 93,000 atau lebih separuh daripada kira-kira 131,000 penduduk beragama Islam. - Bernama.